

B B108 DEB  
MAHATHIR - PILIHANRAYA

KUALA LUMPUR, 9 MAC (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD HARI INI MENYAMBUK BAIK KEPUTUSAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) TIDAK MELETAKKAN CALON BAGI PILIHAN RAYA KECIL PARLIMEN LIMBAWANG DI SABAH.

KEPUTUSAN PBS ITU DICAPAI DALAM MESYUARAT BARISAN NASIONAL (BN) SABAH BAGI MEMBINCANGKAN PILIHANRAYA KECIL BERKENAAN.

KERUSI LIMBAWANG KOSONG BERIKUTAN KEMATIAN WAKIL DARI USNO DATU ABDUL HAMID TUN DATU MUSTAFA KERANA SAKIT JANTUNG 21 FEB LEPAS.

BERCAKAP KEPADA PARA PEMBERITA DI BANGUNAN PARLIMEN DI SINI, PERDANA MENTERI YANG JUGA Pengerusi BARISAN NASIONAL BERKATA KEPUTUSAN PBS ITU AKAN MEMBOLEHKAN PENDUDUK LIMBAWANG MENYOKONG CALON BN KELAK.

BN DIJANGKA DIWAKILI OLEH CALON DARI USNO DALAM PILIHANRAYA KECIL ITU. TARIKH PENAMAAN DAN PENGUNDIAN BELUM DITETAPKAN OLEH SURUHANJAYA PILIHANRAYA. - LAGI.

1818MST 09 03 87

B B109 DEB  
MAHATHIR-PILIHANRAYA 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENEGASKAN BAHAWA +KITA TIDAK MEMAKSA PBS MEMBUAT KEPUTUSAN ITU+ TETAPI IA MERUPAKAN SATU PERKEMBANGAN YANG +BAGUS+.

BAGAIMANAPUN, PERDANA MENTERI BERKATA BELIAU BELUM DIBERITAHU SECARA RASMI MENGENAI KEPUTUSAN PBS ITU DAN HANYA MEMBACANYA MENERUSI SURAT KHABAR.

SETIAUSAHA AGUNG BN YANG JUGA TIMBALAN PERDANA MENTERI ENCIK GHAFAR BABA PULA BERPENDAPAT KEPUTUSAN PBS ITU MERUPAKAN SATU PERKEMBANGAN YANG BAIK.

DITANYA SIAPAKAH YANG AKAN MENENTUKAN CALON UNTUK BERTANDING DI LIMBAWANG, BELIAU MENJELASKAN, OLEH KERANA KAWASAN ITU DIMENANGI OLEH USNO PADA PILIHANRAYA UMUM LEPAS, TERPULANGLAH KEPADA PARTI ITU MELETAKKAN CALON YANG LAYAK.

MENJAWAB SOALAN SAMA ADA UMNO BERCADANG BERTANDING DI SABAH, ENCIK GHAFAR MENEGASKAN PERKARA ITU TIDAK TIMBUL SEKARANG KERANA UMNO BELUM DITUBUHKAN DENGAN RASMI DI NEGERI ITU. - LAGI.

1822MST 09 03 87

B B110 DEB  
MAHATHIR-PILIHANRAYA 3 KUALA LUMPUR

ENCIK GHAFAR JUGA BERKATA BELIAU TIDAK AKAN MEMBENARKAN LAMBANG UMNO DIGUNAKAN OLEH MANA-MANA PIHAK DALAM PILIHAN RAYA KECIL ITU KELAK.

SEMENTARA ITU, SUMBER-SUMBER PBS DI SINI BERKATA PBS MUNGKIN MELETAKKAN CALON DI KAWASAN DEWAN UNDANGAN NEGERI USUKAN SEBAGAI KOMPROMI TIDAK MELETAKKAN CALON DI PARLIMEN LIMBAWANG.

ALLAHYARHAM DATU ABDUL HAMID ADALAH JUGA BEKAS ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI USUKAN. - BERNAMA.

1823MST 09 03 87